

## HONG LEONG BANK BERHAD PROMOSI AKAUN SIMPANAN HARVEST

### TEMPOH PROMOSI

“Promosi Akaun Simpanan Harvest” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula pada **01 Mei 2017** dan berakhir pada **30 June 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya dan terdiri daripada yang berikut:

- (a) Hadiah Pendaftaran;
- (b) Promosi “Senior Savers Flexi FD” Hong Leong; dan
- (c) Promosi Pulangan Tunai Kad Debit Hong Leong.

### TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah.

### KELAYAKAN

1. Promosi terbuka kepada semua individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang sedia ada HLB dan Baru-Kepada-Bank (“NTB”) yang mana adalah Pemegang Akaun Simpanan “Harvest” (“Harvest SA”) HLB (secara kolektif disebut “Pemegang Akaun”).
2. Promosi tidak terbuka kepada pelanggan Perbankan Persendirian dan pelanggan Bukan Individu.
3. Bagi mengelakkan keraguan:
  - (a) Pelanggan NTB bermaksud pelanggan baru yang tidak mempunyai apa-apa “Harvest SA” yang sedia ada dengan HLB sebelum Tempoh Promosi dan membuka “Harvest SA” baru semasa Tempoh Promosi.
  - (b) Pelanggan Bukan Individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi bukan untung, empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, termasuk Sendirian Berhad, syarikat tersenarai dan Syarikat Multinasional.

### KAEDAH PROMOSI

#### Hadiah Pendaftaran

4. **Satu ribu (1,000)** pelanggan NTB pertama yang membuka “Harvest SA” dengan HLB semasa Tempoh Promosi dengan amaun minimum yang ditetapkan sebanyak **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** sahaja (“Pemegang Akaun NTB Layak”) dan diperuntukkan selama **empat (4)** bulan berturut-turut akan layak mendapat sebuah **Hadiah Pendaftaran (“Hadiah”)**, iaitu Pengukus Makanan Pensonic (PSM-1603).
5. Semua deposit mestilah “Dana Baru” sahaja. “Dana Baru” ADALAH:
  - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam sama ada “Harvest SA” dan/atau “Senior Savers Flexi FD”; dan
  - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon dan/atau Hong Leong “Invest Safe” yang didepositkan semula ke dalam sama ada “Harvest SA” dan/atau “Senior Savers Flexi FD”.
6. Yang berikut **TIDAK** dianggap Dana Baru.

- (a) Pindahan dana Intra Bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Semasa, Deposit Tetap, Pelaburan Am); dan/atau
  - (b) Pindahan antara cawangan di dalam HLB/HLISB termasuk pindahan akaun pihak **ketiga (ke-3)**.
7. Hadiah adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat, dihadkan kepada **satu (1)** Hadiah bagi setiap Pemegang Akaun NTB Layak yang memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan di dalam ini semasa Tempoh Promosi dengan had **satu ribu (1,000)** Pengukus Makanan Pensonic (PSM-1603) ("Hadiah Terhad"). Berkenaan dengan Hadiah Terhad, walau apa-apa yang terkandung di sini, tiada Hadiah akan disediakan kepada Pemegang Akaun NTB Layak apabila Hadiah Terhad telah diperuntukkan sepenuhnya. Pemberitahuan dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB") akan dibuat jika sekiranya mana-mana atau kesemua Hadiah habis stok.
8. Pemegang Akaun Layak NTB akan diberitahu oleh HLB secara bertulis atau melalui panggilan telefon tidak lewat dari **30 September 2017** ("Tarikh Pemberitahuan") untuk mengambil Hadiah dari cawangan domisil masing-masing.
9. Pemegang Akuan Layak NTB bertanggungjawab mengambil Hadiah daripada cawangan domisil masing-masing dalam masa **satu (1)** bulan dari Tarikh Pemberitahuan, jika gagal berbuat demikian, maka Hadiah akan dilupuskan dan HLB tidak akan melayan sebarang tuntutan daripada Pemegang Akaun Layak NTB selepas tamat tarikh akhir tersebut di atas.

#### **Promosi "Senior Savers Flexi FD" Hong Leong**

10. Selain di atas, Pemegang Akaun juga layak untuk Promosi "Senior Savers Flexi FD" Hong Leong ("Promosi FD").
11. Promosi FD bermula pada **01 May 2017** dan berakhir pada **30 Jun 2017**, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai saiz dana sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Ratus Juta (RM500,000,000)**, mengikut mana yang dahulu ("Tempoh Promosi FD"), melainkan diberitahu sebaliknya.
12. Pemegang Akaun yang membuat peletakan deposit dengan Amaun Peletakan yang ditetapkan dalam FD dan "Harvest SA" akan menikmati Kadar Promosi FD berikut (Pelanggan FD Layak):-

Tempoh FD	Kadar Promosi FD	Kadar FD Efektif	Amaun Peletakan FD	Amaun Peletakan "Harvest SA" Minimum (Diperuntukkan selama 2 bulan berturut-turut)
12-bulan	4.15%setahun	4.10%setahun*	RM10,000 – RM2,000,000	RM10,000

\* Kadar FD Efektif bagi 12-bulan "Senior Savers Flexi FD" Hong Leong dengan "Harvest SA" berbeza-beza bergantung kepada Amaun Peletakan FD.

13. Untuk menikmati 4.15% setahun bagi FD bertempoh 12-bulan, Pelanggan FD Layak dikehendaki memperuntukkan Amaun Peletakan Harvest SA yang dinyatakan dalam jadual di bawah fasal 12 selama **dua (2)** bulan berturut-turut ("Tempoh Peruntukkan") dalam "Harvest SA". Kadar FD Efektif 12-bulan dengan "Harvest SA" berbeza-beza bergantung kepada Amaun Peletakan FD.
14. Peletakan dan peruntukkan "Harvest SA" hendaklah dibuat serentak dengan peletakan FD semasa Tempoh Promosi. Sekiranya peletakan "Harvest SA" dan/atau peletakan FD dibatalkan, dikeluarkan (sebahagian atau keseluruhan) atau dikeluarkan semasa dalam Tempoh Peruntukkan dan/atau dalam Tempoh FD atas apa jua sebab, maka kadar semasa bagi "Senior Savers Flexi FD" bertempoh 12-bulan akan diguna pakai.

15. Promosi FD sah bagi Dana Baru sahaja. "Dana Baru" ditakrifkan di bawah fasil 5 dan 6 di atas.
16. Faedah FD akan dikreditkan ke dalam "Harvest SA" namaan Pelanggan FD Layak pada setiap bulan. Penambahan faedah kepada amaun pokok FD tidak dibenarkan.
17. Sekiranya FD dikeluarkan sebelum tarikh matang, maka peraturan Persatuan Bank di Malaysia ("ABM") seksyen E (v) seperti berikut akan dikenakan:
  - (a) Faedah tidak akan dibayar bagi mana-mana FD yang dikeluarkan sebelum genap **tiga (3) bulan**.
  - (b) Sekiranya FD dikeluarkan dalam bulan **keempat (ke-4)** dan ke atas, Pelanggan FD Layak akan menerima 50% daripada faedah FD yang ditetapkan dan diperolehi bagi bulan-bulan genap atas amaun pokok sahaja.

HLB berhak menolak balik dan memotong amun yang setara dengan faedah yang dibayar bagi FD yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada amaun pokok semasa pengeluaran.
18. Tertakluk kepada fasil 14 Terma & Syarat Promosi, pengeluaran sebahagian FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**. Akan tetapi, jika baki dalam FD kurang daripada **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.
19. Amaun Peletakan FD **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan FD Layak.

#### **Promosi Pulangan Tunai Kad Debit Hong Leong ("Promosi Pulangan Tunai")**

20. Promosi Pulangan Tunai terbuka kepada semua Pemegang Akaun yang memiliki Kad Debit HLB yang berjaya ditandai kepada "Harvest SA" sebagai akaun belian runcit ("Pemegang Kad Layak").
21. Pemegang Kad berikut **TIDAK** layak untuk Promosi Pulangan Tunai:
  - (a) Memiliki Kad Debit HLB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
  - (b) Akaun Kad Debit yang TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, ditandai kepada Akaun Semasa dan/atau Simpanan ("CASA") dan Akaun Semasa dan/atau Simpanan-i ("CASA-i") yang telah ditutup atau tak aktif atau melanggar mana-mana terma & syarat HLB;
  - (c) Akaun Kad Debitnya dipercayai telah dikendalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debitnya tak sah atau dibatalkan menurut takrifan HLB;
  - (d) Pelanggan Perbankan Persendirian HLB;
  - (e) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak menyertai Promosi.
22. Pemegang Kad Layak akan mendapat **5% Pulangan Tunai** dalam Tempoh Promosi apabila Pemegang Kad Layak menggunakan Kad Debit HLB mereka bagi transaksi runcit dengan peniaga berkaitan penjagaan kesihatan, perubatan dan farmaseutikal terpilih yang berjaya ditandai kepada Kod Kategori Peniaga ("MCC") seperti tertera di bawah ("Transaksi Layak"):

MCC	Keterangan
5912	Kedai Ubat dan Farmasi
5975	Alat Bantuan Pendengaran (Kedai Jualan, Perkhidmatan dan Bekalan)
5976	Barangan Ortopedik (Kedai Anggota Palsu)
8011	Doktor (tidak dikelaskan tempat lain)
8021	Doktor Pergigian dan Pakar Ortodontik
8031	Pakar Perubatan Osteopati
8041	Kiropraktor

8042	Optometris dan Pakar Oftalmologi
8049	Kiropodis dan Podiatris
8050	Kemudahan Kejururawatan dan Penjagaan Diri
8062	Hospital
8071	Makmal Pergigian dan Perubatan
8099	Pengamal Kesihatan dan Perkhidmatan Perubatan (tidak dikelaskan tempat lain)

23. Transaksi Layak bermaksud belian runcit yang diurusniaga dalam **Ringgit Malaysia (RM)** sahaja semasa Tempoh Promosi.
24. Transaksi Layak meliputi belian di tempat jualan, belian dalam talian dan pengebilhan automatik.
25. Hanya Transaksi Layak sahaja seperti yang dinyatakan dalam fasal 21 hingga 23 di atas yang berjaya direkodkan dan dicatatkan dalam penyata bulanan “Harvest SA” layak mendapat Promosi Pulangan Tunai.
26. Jumlah pembayaran Pulangan Tunai bagi setiap Pemegang Kad Layak dihadkan pada **Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100)** sebulan semasa Tempoh Promosi.
27. Kad Debit HLB dan “Harvest SA” Pemegang Kad mestilah kekal sah dan aktif sehinggalah Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam “Harvest SA”, jika tidak, Pulangan Tunai akan dilupuskan.
28. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam “Harvest SA” Pemegang Kad dalam masa **dua (2)** minggu bulan berikutnya bulan Transaksi Layak dilakukan.
29. Gambaran pengiraan kelayakan Pulangan Tunai ditunjukkan di bawah:

Bulan Transaksi Layak dilakukan	Jumlah Amaun Terkumpul melalui Transaksi Layak	Kelayakan 5% Pulangan Tunai	Bulan Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam “Harvest SA”
Mei 2017	RM1,000	RM50	Jun 2017
Jun 2017	RM2,500	RM100	Julai 2017

## UMUM

30. Dengan menyertai Promosi, Pemegang Akaun NTB Layak, Pelanggan FD Layak dan Pemegang Kad Layak (secara kolektif disebut “Pelanggan”):
- Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi, Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit, Terma & Syarat “Harvest SA” dan Terma & Syarat Kad Debit;
  - Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
  - Bersetuju bahawa HLB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah. Mereka hendaklah berurus secara langsung dengan syarikat pembekal dan/atau syarikat pembuat bagi segala maklumat waranti berkenaan dengan Hadiah tanpa merujuk kepada HLB;
  - Bersetuju bahawa Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau Laman Web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dalam apa-apa bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian Hadiah;
  - Bersetuju HLB tidak bertanggungjawab sama sekali atas sebarang Hadiah yang hilang, koyak, rosak, luput tempoh atau dicuri. Permintaan untuk menggantikan Hadiah yang hilang, koyak, rosak, luput tempoh atau dicuri itu tidak akan dilayani oleh HLB;

- (f) Bersetuju bahawa Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barang;
  - (g) Bersetuju bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi dan/atau Hadiah adalah muktamad dan mengikat ke atas mereka dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani; dan
  - (h) Bersetuju bahawa mereka sendiri bertanggungjawab terhadap segala cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penerimaan Hadiah.
31. HLB berhak:
- (a) Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian ("Perubahan"), dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21) hari kalender**;
  - (b) Menggantikan Hadiah dengan warna dan/atau produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
  - (c) Melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang HLB anggap wajar atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Promosi dan/atau berhak menerima Hadiah.
32. Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit, Terma & Syarat "Harvest SA", Terma & Syarat Kad Debit dan apa-apa Terma & Syarat berkenaan yang ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan di antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit, Terma & Syarat "Harvest SA" dan Terma & Syarat Kad Debit, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.
33. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

**Akaun Simpanan "Harvest" dan "Senior Savers Flexi FD" layak dilindungi oleh PIDM**